

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

BULETIN

JAWHAR

PRAGMATIK, RESPONSIF, OBJEKTIF



ISSN 1985-2029 BIL 3/2018



Seminar

**Wakaf Institusi Pendidikan 2018
Dan Pelancaran Buku Panduan
Pengurusan Wakaf Institusi
Pendidikan**

ms 12

Kunjungan Hormat Indonesia
Magnificence Of Zakat (IMZ)
ke JAWHAR

ms 5

Program Pemukiman Agensi-Agenzi
Hal Ehwal Islam Di Bawah YB Menteri
Di Jabatan Perdana Menteri

ms 11



ms 10

Kandungan

PERUTUSAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JAWHAR

BERITA

BENGKEL SEMAKAN AKHIR MANUSKRIP PANDUAN PENGURUSAN WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN

KUNJUNGAN HORMAT INDONESIA MAGNIFICENCE OF ZAKAT (IMZ) KE JAWHAR

MAJLIS PENYERAHAN MANUSKRIP PANDUAN PENGURUSAN WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN

MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM ZAKAT BERSAMA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) DAN AGENSI MENGURUS ZAKAT (AMZ) BIL. 2 TAHUN 2018

BENGKEL PENGECAULIAN CUKAI PENDAPATAN KEPADA AGENSI MENGURUS ZAKAT (AMZ)

TAKLIMAT KETUA PENGARAH JAWHAR KEPADA JAWATANKUASA TERTINGGI INSTITUSI HAL EHWAL ISLAM PERINGKAT PERSEKUTUAN

JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID) ZON TIMUR – BESUT, TERENGGANU BIL 1/2018

PROGRAM PEMUKIMAN AGENSI-AGENSI HAL EHWAL ISLAM DI BAWAH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

SEMINAR WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN 2018 DAN PELANCARAN BUKU PANDUAN PENGURUSAN WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN

JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID) BIL. 2/2018

MESYUARAT ISU-ISU ZAKAT BAHAGIAN BAITULMAL BERSAMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)

MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM ZAKAT BERSAMA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) DAN AGENSI MENGURUS ZAKAT (AMZ) BIL. 3 TAHUN 2018 INSTITUSI PENDIDIKAN

BENGKEL PENYELARASAN KADAR ZAKAT FITRAH 2019

KOLUMNIS MENULIS

JEMAAH HAJI DAN UMRAH PERLUKAN FIQH IBADAH & MUAMALAH BAHARU?

GALERI

- 3 MULTAQQA INSTITUSI PENDIDIKAN AGAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2018 PADA 9 HINGGA 11 JULAI 2018 **20**
- 4 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA JAWHAR SESI 2018-2019 PADA 10 OGOS 2018 **20**
- 5 TAKLIMAT TIPS & TRICK MICROSOFT OFFICE 2016 PADA 13 SEPTEMBER 2018 **21**
- 6 TAKLIMAT PERKHIDMATAN SIRI 1/2018 : PENGURUSAN TATATERTIB 6 SEPTEMBER 2018 OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM **21**
- 7 PERBINCANGAN BPKA BERSAMA WAKIL UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) BERKAITAN JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID) DAN PENERBITAN JURNAL JAWHAR PADA 3 OKTOBER 2018 **22**
- 8 MESYUARAT JAWHAR BERSAMA JABATAN PENJARA MALAYSIA 2 OKTOBER 2018 **22**
- 9 LAWATAN DARI SEKOLAH MAAHAD AHMADI, NEGERI SEMBILAN KE JAWHAR PADA 24 OKTOBER 2018 **23**
- 10 KUNJUNGAN HORMAT KEDUTAAN SENEGAL KE JAWHAR PADA 25 OKTOBER 2018 **23**
- 11 CERAMAH PENERAPAN NILAI ISLAM (PNI) PADA 26 OKTOBER 2018 (JUMAAT) OLEH USTAZ LONG BIN KECIK **24**
- 12-13 HARI BERSAMA KETUA PENGARAH JAWHAR PADA 30 OGOS 2018 **24-25**

SUDUT KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN (KKSJ) JAWHAR

- 14 MAJLIS PERPISAHAN WARGA JAWHAR YANG BERTUKAR KELUAR PADA 14 SEPTEMBER 2018 **26**
- 15 MAJLIS HARI LAHIR KAKITANGAN JAWHAR **27**
- 16 JUALAN BOOTH KKSJ SEMPENA PROGRAM SEMINAR WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN 2018 **27**

INFO PENTING JAWHAR

- 17 SENARAI PEGAWAI YANG BERTUKAR MASUK JAWHAR **28**
- 18-19 SENARAI PEGAWAI JAWHAR YANG BERTUKAR KELUAR **29**
- 20 SENARAI PEGAWAI PRAKTIKAL JAWHAR YANG MELAPOR MASUK BAGI TEMPOH LATIHAN INDUSTRI **30**
- 21 SENARAI PEGAWAI PRAKTIKAL JAWHAR YANG TELAH TAMAT TEMPOH BAGI TEMPOH LATIHAN INDUSTRI **30-31**

Sidang Redaksi

BULETIN JAWHAR BIL.3/2018

Penaung

YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman

Ketua Editor

YBrs. Tuan Haji Jaafar bin Ismail

Editor

En. Baitiyamin bin Mamat
En. Mohd Azizan bin Abdullah
Pn. Siti Zaida binti Mahmud

Pengarang

Pn. Noraihan binti Sulaiman
En. Ahmad Ariffin bin Joferi

Jurufoto

En. Zamfitri bin A Rahman
Pn. Ili Raidah binti Mahat
En. Mohamad Basri bin Abdul Razak
Pn. Nurul Hani binti Mat Nawi

Penghargaan kepada

Bahagian Wakaf
Bahagian Baitulmal
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Integriti & Komunikasi Korporat
Semua pegawai dan kakitangan JAWHAR

Perutusan Ketua Pengarah JAWHAR

PERUTUSAN



YBRS. TUAN HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN (K.M.N, B.C.K)
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan inayah-NYA maka Buletin JAWHAR Bil.3/2018 ini sekali lagi dapat diterbitkan pada tahun ini. Dengan penuh cinta, diucapkan selawat dan salam buat Rasulullah SAW, seluruh ahli keluarga baginda dan para sahabat.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga JAWHAR, terutamanya kepada jawatankuasa penerbitan yang telah berganding bahu dalam penghasilan Buletin 3 Tahun 2018 yang merupakan siri terakhir bagi tahun ini. Kesungguhan kalian semua dalam memastikan keberhasilan Buletin ini amat dipuji dan semoga usaha berterusan ini dapat diteruskan demi memartabatkan bidang teras wakaf zakat dan haji.

Sebagai ketua Jabatan ini, saya amat menitikberatkan pematuhan dan kesetiaan para pegawai dan kakitangan JAWHAR terhadap undang-undang baik di dalam Jabatan mahupun undang-undang negara. Mengambil petikan ucapan YAB Perdana Menteri semasa Perhimpunan Bulanan bulan Oktober Jabatan Perdana Menteri yang lalu, beliau menyeru seluruh penjawat awam supaya,

"patuh kepada undang-undang. Jika undang-undang itu tidak baik, maka kita berhak memindah atau memansuhkan undang-undang. Tetapi selagi ada undang-undang, kita perlu patuh kepada undang-undang itu. Inilah yang memberi makna kepada demokrasi. Kalau tiada keluhuran undang-undang, iaitu luhur disini bermakna mulia. Jika tidak ada undang-undang yang mulia dan adil maka akan berlaku lah kucar-kacir dalam negara kita".

Begitu jugalah yang akan terjadi sekiranya warga JAWHAR sekalian tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam Jabatan ini. Ia akan menyebabkan berlakunya masalah tatatertib dan budaya tidak berintegriti yang akhirnya akan menjatuhkan imej Jabatan itu sendiri.

Jika diimbas kembali sepanjang tahun 2018 ini, JAWHAR telah berjaya menjulang namanya ke era kecemerlangan akademik di dalam negara mahupun di persada antarabangsa. JAWHAR telah berjaya meneruskan legasi kejayaannya dengan penganjuran Seminar Wakaf Institusi Pendidikan dan Majlis Pelancaran Buku Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat, dan Endowment (WAZAN), Universiti Putra Malaysia yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada bulan Oktober yang lalu manakala Majlis Pelancaran Bulan Zakat Kebangsaan (BZK) turut dirasmikan oleh YB Puan Hajah Fuziah Salleh pada bulan November ini yang telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun ini. Inilah hasil usaha JAWHAR yang amat membanggakan Jabatan dan diharap usaha seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Usaha JAWHAR mengetengahkan asnaf-asnaf Islam di mata masyarakat telah berjaya memberi inspirasi kepada seluruh umat Islam di Malaysia untuk meningkatkan daya saing selain mengubah nasib mereka ke arah kemajuan. Program-program tersebut merupakan hasil usahasama JAWHAR bersama Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), Agensi Mengurus Zakat (AMZ) dan seluruh agensi-agensi terpilih yang mendapat sambutan menggalakkan dari pelbagai pihak. Selain itu, pada tahun ini juga, buat julung kalinya JAWHAR telah menghasilkan sebuah buku panduan Wakaf Institusi Pendidikan yang amat bermanfaat untuk digunakan dan diaplikasikan oleh seluruh institut Pendidikan bermula Pendidikan awal kanak-kanak sehingga Institusi-Institusi Pendidikan Awam dan Swasta yang terdapat di Malaysia.

Kejayaan-kejayaan ini telah menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga JAWHAR untuk lebih bekerja keras demi mengharumkan nama Jabatan ini. oleh itu, saya menyeru setiap warga JAWHAR khususnya agar dapat mengubah sikap, mengubah cara gerak kerja dan menerapkan perspektif baru dengan mengamalkan sikap 'sense of urgency' dalam setiap tugas yang dilaksanakan. Semoga dengan iltizam untuk lebih cemerlang dan meningkatkan mutu Perkhidmatan akan menjadikan JAWHAR sebuah Jabatan yang dinamik dan tidak lapuk ditelan zaman.

والسلام

BENGKEL SEMAKAN AKHIR MANUSKRIP PANDUAN PENGURUSAN WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN



Putrajaya, 16 Julai 2018 – JAWHAR melalui Bahagian Wakaf telah melaksanakan Bengkel Semakan Akhir Manuskip Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan bertempat di Bilik Seminar, Aras 8, JAWHAR. Semakan akhir Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (PPWIP) yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu, kepakaran dan formatting amat penting sebelum melalui proses percetakan dan penerbitan. Semakan PPWIP meliputi setiap bab iaitu:

- Bab 1: Pendahuluan;
- Bab 2: Wakaf dan Huraianya;
- Bab 3: Wakaf Institusi Pendidikan;
- Bab 4: Urus Tadbir Wakaf;
- Bab 5: Pemasaran Wakaf;
- Bab 6: Wakaf Harta Alih;
- Bab 7: Wakaf Harta Tak Alih;
- Bab 8: Pembangunan Mawquf dan Pengurusan Manfaat;
- Bab 9: Perakaunan dan Pelaporan Wakaf;
- Bab 10: Pengauditan Wakaf; dan
- Bab 11: Penutup.

Pelaksanaan bengkel dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) selaku urus setia bersama turut dihadiri oleh Encik Hairolanuar bin Mohamad, Pengarah Bahagian Wakaf, JAWHAR dan Dr. Haji Razali bin Othman, Pengarah WAZAN, UPM.

Peserta bengkel terdiri daripada pakar akademik dari pelbagai Universiti Awam, pegawai Majlis Agama Islam Negeri, pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pegawai Bahagian Wakaf serta pegawai Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa, JAWHAR iaitu:

1. Prof. Dr. Abdul Razak bin Ibrahim – Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM)
2. Prof. Dr. Yusoff bin Taib – KUPTM
3. Prof. Dr. Ridzwan bin Bakar – Multimedia University Malaysia
4. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood – University of Malaya Awqaf
5. Haji Azzerol Effendi bin Abd. Kadir – Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan/Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
6. Encik Mohd. Ridzuan bin Hamid – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
7. Encik Muhammad Lutfi Hilmi bin Takiuddin – MAIWP
8. Encik Shahrul Ridhwan bin S. Ali – JAKIM
9. Encik Nuruliman bin Ibrahim – WAZAN, UPM
10. Encik Mohd Farouq Umair bin Zamri – WAZAN, UPM
11. Cik Zarina binti Ibrahim – JAWHAR
12. Puan Shukreyah binti Zawawi – JAWHAR
13. Encik Azhan bin Abrar – JAWHAR
14. Cik Suhailah binti Ishak – JAWHAR
15. Puan Siti Zaida binti Mahmod – JAWHAR
16. Puan Maya Fahida binti Mohd Esa – JAWHAR
17. Puan Zuriah binti Muhammad – JAWHAR
18. Haji Salleh bin Hassan – JAWHAR
19. Encik Ahmad Hafiz bin Abd. Kadir – JAWHAR
20. Encik Mohd Fazarul bin Mohd Safain – JAWHAR



KUNJUNGAN HORMAT INDONESIA MAGNIFICENCE OF ZAKAT (IMZ) KE JAWHAR



25 Julai 2018, (Rabu)—JAWHAR telah menerima kunjungan hormat daripada Indonesia Magnificence Of Zakat (IMZ) ke JAWHAR iaitu seramai 33 orang yang diketuai oleh YBrs Mr. Kushardanta Susilabudi. Delegasi ini telah disambut mesra oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR.

Pertemuan dan sesi perbincangan telah diadakan di Dewan Syura Utama Jannatul Firdaus JAWHAR. Kunjungan hormat ini secara umumnya bertujuan untuk meluaskan jaringan sinergi IMZ dengan pertubuhan zakat sedunia khususnya dengan institusi Penyelidikan Kewangan di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, IMZ telah menganjurkan satu latihan awam untuk ahlinya iaitu “International Zakat & Waqf Comparative Studies : Zakat and Waqf Management For Empowering Ummah” mulai 23-26 Julai 2018. Kunjungan hormat ini telah memberi peluang kepada ahli-ahli IMZ untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai fungsi dan peranan JAWHAR dari aspek pengurusan wakaf, zakat dan haji/umrah di Malaysia.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman dan disusuli dengan sesi ucapan balas daripada pihak IMZ oleh YBrs. Mr. Kushardanta Susilabudi. Selanjutnya sesi taklimat telah dilangsungkan dan disusuli dengan sesi soal jawab.

Perbincangan yang penuh harmoni ini diteruskan dengan penyampaian cendera kenangan dan sesi bergambar antara kedua-dua belah pihak.



MAJLIS PENYERAHAN MANUSKRIPT PANDUAN PENGURUSAN WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN

Putrajaya, 31 Julai 2018 – YBrs. Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR telah menerima Manuskrip Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (PPWIP) daripada YBrs. Dr. Haji Razali bin Othman, Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam satu majlis khas yang turut dihadiri oleh Encik Hairolanuar bin Mohamad, Pengarah Bahagian Wakaf dan Encik Ruzman bin Ramli, Pengarah Bahagian Baitulmal, JAWHAR, wakil pakar akademik dan para pegawai daripada Bahagian Wakaf, JAWHAR dan WAZAN, UPM. Penghasilan manuskrip ini merupakan kerjasama sinergi di antara Bahagian Wakaf, JAWHAR dengan WAZAN, UPM dan jalinan erat Majlis Agama Islam Negeri, pakar-pakar akademik dari pelbagai universiti awam dan swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.



PPWIP berfungsi sebagai panduan asas bagaimana untuk menubuhkan entiti pengurusan wakaf institusi pendidikan sehingga bagaimana untuk mentadbir dan mengurus serta kaedah pelupusan atau penyahiktirafan harta wakaf. JAWHAR berharap agar penerbitan PPWIP akan dapat membantu seluruh institusi pendidikan di Malaysia termasuk institusi pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pondok, tahniz dan Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta dalam mengemudi hal ehwal pentadbiran dan pengurusan wakaf.





MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM ZAKAT BERSAMA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) DAN AGENSI MENGURUS ZAKAT (AMZ) BIL. 2 TAHUN 2018

Putrajaya, 7 Ogos 2018 – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) Bil. 2 Tahun 2018 bertempat di Dewan Syura Utama Jannatul Firdaus, JAWHAR bermula pada jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Hj. Ahmad Musadad bin Hj. Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan dihadiri oleh wakil dari MAIN dan AMZ seluruh negara. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Tuan Hj. Jaafar bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR serta para pegawai dan kakitangan Bahagian Baitulmal JAWHAR selaku urus setia.

Mesyuarat ini adalah rentetan Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat bersama MAIN dan AMZ Bil. 1 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 5 Februari 2018 (Isrin) dan diadakan bersekali dengan Bengkel Pengecualian Cukai Pendapatan kepada AMZ yang berlangsung selama dua hari iaitu bermula pada 7 hingga 8 Ogos 2018 bertempat di Bilik Seminar, Aras 8, JAWHAR.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi membincangkan pelaksanaan program-program zakat melalui kerjasama antara JAWHAR, MAIN dan

AMZ seluruh Malaysia bagi tahun 2018 serta isu-isu berbangkit. Antara agenda utama yang telah dibincangkan ialah penganjuran program KKZ 2018 yang dicadangkan akan diadakan pada 18 hingga 20 September 2018 (Selasa hingga Khamis) di negeri Terengganu dengan tema “al-Barakah: Kembara Ganu Kite”.

Selain daripada itu, beberapa isu semasa berkaitan pengurusan zakat di Malaysia turut dibincangkan seperti penyelarasan zakat fitrah seluruh negara, perkongsian maklumat kutipan dan agihan zakat seluruh Malaysia, permohonan pengecualian cukai pendapatan kepada AMZ, kutipan zakat oleh badan korporat tanpa melalui institusi zakat, penggubalan akta / enakmen zakat negeri-negeri dan lain-lain lagi.

Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah menjadi medan perkongsian pandangan serta pengalaman sesama wakil semua agensi yang terlibat di samping menjana idea-idea baru dalam usaha memartabatkan pengurusan zakat di Malaysia. Melalui mesyuarat seperti ini, diharapkan agar jalinan kerjasama dan hubungan silaturahim antara pihak JAWHAR, MAIN dan AMZ seluruh Malaysia dapat ditingkatkan lagi seterusnya memacu pembangunan institusi Baitulmal khususnya zakat ke arah yang lebih mantap demi *maslahah ummah*, insya-Allah.



BENGKEL PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KEPADA AGENSI MENGURUS ZAKAT (AMZ)



Putrajaya, 8 Ogos 2018 – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Bengkel Pengecualian Cukai Pendapatan Kepada Agensi Mengurus Zakat (AMZ) yang berlangsung selama dua hari iaitu bermula pada 7 hingga 8 Ogos 2018 bertempat di Bilik Seminar, Aras 8, JAWHAR. Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia serta para pegawai dan kakitangan Bahagian Baitulmal JAWHAR selaku urus setia.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi penyediaan kertas permohonan pengecualian cukai pendapatan kepada AMZ yang melaksanakan kutipan serta agihan zakat memandangkan tempoh pengecualian yang diberikan oleh Kementerian Kewangan sebelum ini akan berakhir pada tahun taksiran 2019. Bengkel ini telah dimulakan dengan ucapan aluan dan sesi taklimat oleh pihak urus setia. Seterusnya, para peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi tujuan perbincangan dan pembentangan draf input kertas permohonan berkenaan mengikut skop yang telah ditetapkan. Pada penghujung bengkel, satu draf kertas permohonan telah berjaya disediakan untuk diharmonikan semula oleh semua ahli bengkel sebelum ia dikemukakan kepada pihak berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Semoga usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak MAIN dan AMZ dalam usaha memartabatkan syiar Islam di Malaysia melalui ibadah zakat, insya-Allah.



TAKLIMAT KETUA PENGARAH JAWHAR KEPADA JAWATANKUASA TERTINGGI INSTITUSI HAL EHWAL ISLAM PERINGKAT PERSEKUTUAN



15 Ogos 2018 (Rabu) – Bertempat di Muzium Diraja (Istana Negara Lama), Ketua Pengarah JAWHAR, YBrs Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman dengan diiringi oleh En. Mohd Azizan bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Unit Penyelidikan JAWHAR telah memberikan taklimat kepada Jawatankuasa Tertinggi Institusi Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan.

Dalam tempoh lebih 1 jam, Jawatankuasa ini yang mewakili Majlis Raja-Raja Melayu telah diberikan penjelasan berkenaan latar belakang JAWHAR serta

pencapaian JAWHAR sehingga ke hari ini. JAWHAR yang bertanggungjawab terhadap Wakaf, Zakat, Mal dan Haji diperingkat persekutuan memainkan peranan yang baik khususnya berkaitan pembangunan tanah wakaf selain memacu percambahan pengetahuan dalam bidang-bidang berkaitan Zakat, Mal dan Haji.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, panel Jawatankuasa berpuas hati dengan pembentangan yang dibuat oleh Ketua Pengarah.





JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID) ZON TIMUR -BESUT, TERENGGANU BIL 1/2018

Besut, 20 September 2018 (Khamis) – Unit Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menganjurkan JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Zon Timur Bil 1/2018 pada tahun ini di Negeri Terengganu dengan memilih De Mong Beach Resort, Besut, Terengganu sebagai destinasi program.

JID pada kali ini juga dijayakan dengan kerjasama dan dukungan kolaborasi dari Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan pelbagai pihak sebagai rakan strategik program JAWHAR termasuk Wakil pejabat-pejabat Agama, pegawai dan kakitangan agensi kerajaan, qariah masjid , wakil Majlis yang menyaksikan kehadiran melebihi 500

orang dari jangkaan jemputan yang disasarkan.

Program JID pada kali ini diadakan dalam bentuk ceramah dengan menampilkan salah seorang panel “Tanyalah Ustaz” iaitu Ustaz Nik Kamaruddin bin Yunoh daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dengan tajuk ceramah **Persediaan Mental dan Fizikal Dalam Ibadah berteraskan Rukun Islam dan Rukun Iman**. Program yang berlangsung telah mendapat sokongan dan sambutan yang baik daripada peserta yang hadir. Majlis berakhir pada jam 4.30 petang dengan sesi penyampaian cenderahati oleh YBhg. Timbalan Ketua Pengarah kepada penceramah jemputan.





PROGRAM PEMUKIMAN AGENSI-AGENSI HAL EHWAL ISLAM DI BAWAH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

MELAKA, 1 Oktober 2018 (Isnin) – Pengurusan Tertinggi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji yang diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan YBrs. Tuan Haji Jaafar bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR bersama-sama tiga (3) orang pegawai telah menghadiri Program Pemukiman Agensi-Agenzi Hal Ehwal Islam di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Program yang berlangsung selama dua hari di Hotel Pantai Puteri, Tanjung Kling, Melaka ini menghimpunkan kesemua 14 agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Program telah dimulakan pada 30 September 2018 dengan sesi ‘Mind Setting’ oleh YB Timbalan Menteri Hajjah Fuziah binti Salleh dan diikuti dengan sesi pembentangan oleh wakil agensi-agensi. Antara perkara yang ditegaskan oleh YB Timbalan Menteri ialah agar konsep rahmatan lil ‘alamin dijelaskan dalam pelaksanaan tugas berpandukan kerangka maqasid syariah yang dijadikan teras kepada Fiqh Malizi. Hal ini agar Islam dan umatnya tidak lagi dilihat tertutup dan mengancam bangsa dan agama

selainnya. Hal ini juga adalah untuk menjadikan Islam sebagai rahmatan lil ‘alamin bukan hanya kepada umat Islam tetapi benar-benar meliputi sekalian alam termasuk bukan Islam.

Sesi seterusnya diteruskan dengan bengkel yang melibatkan semua wakil agensi dengan slot awal adalah ‘ice-breaking’ antara wakil agensi. YB Timbalan Menteri sendiri bertindak fasilitator bagi bengkel yang diadakan secara tidak langsung mengecilkan jurang antara ketua jabatan dan pihak pengurusan tertinggi dan menimbul serta mencambah semangat kerjasama antara agensi. Perbincangan kumpulan diteruskan dengan sesi musyawarah berdasarkan kategori fungsi utama yang telah diberikan. Perbincangan ini mestilah juga berpandukan kepada kerangka Maqasid Syariah sepetimana yang telah ditetapkan.

Sesi pada 1 Oktober 2018 kemudiannya di teruskan dengan pembentangan hasil perbincangan berkumpulan sebelum Majlis Perasmian Penutup disampaikan YB Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof, Menteri di JPM.



SEMINAR WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN 2018 DAN PELANCARAN BUKU PANDUAN PENGURUSAN WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN



Serdang, 11 Oktober 2018 – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM), UPMHoldings Sdn. Bhd. dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah menganjurkan Seminar Wakaf Institusi Pendidikan 2018 dan Majlis Pelancaran Buku Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan bertempat di Dewan Banquet, UPM, Serdang, Selangor.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan disertai oleh 500 orang peserta terdiri daripada pegawai Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN), pengurus wakaf Universiti Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta serta pengetua institusi pondok/tahfiz/sekolah agama di bawah seliaan kerajaan. Setiap peserta dibekalkan dengan senaskah Buku Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan. Objektif utama penganjuran seminar memberi impak tinggi kepada:

1. Menyebar luas kesedaran dan kefahaman tadbir urus terbaik wakaf di kalangan pegawai pengurusan wakaf institusi pendidikan agar lebih efisyen, produktif dan telus;

2. Memperkemas dan menambah baik sistem pengurusan wakaf institusi pendidikan; dan
3. Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dana wakaf institusi pendidikan.

Dalam ucapan majlis perasmian, YB Menteri menegaskan bahawa:

“Islam tidak menentang kekayaan kerana mereka yang kaya inilah yang menjadi penyumbang terbesar dalam program wakaf – Jangan dihimpit pemikiran kononnya Islam tidak mahukan kekayaan, Islam mahu kerana kekayaan menghasilkan sistem sosial ekonomi iaitu harta dalam perniagaan dikembalikan kepada sistem wakaf yang kemudian digunakan untuk umat Islam – Sedikit kecacatan yang membawa gambaran berlaku penyelewengan, kegagalan dan kelemahan institusi wakaf mengendalikan dana yang besar, maka yang mendapat imej buruk adalah Islam”.

Pengisian seminar merangkumi sesi pembentangan kertas kerja dan forum.

Pembentangan 1: *“Peranan JAWHAR dalam pembangunan wakaf institusi pendidikan”* telah disampaikan oleh Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR.





Pembentangan 2: “*Pengurusan wakaf institusi pendidikan: Apa penanda aras kita?*” telah disampaikan oleh Dr. Haji Razali bin Othman, Pengarah WAZAN, UPM.

Pembentangan 3: “*Pengurusan wakaf institusi pendidikan: Tanggungjawab MAIN sebagai pemegang amanah*” telah disampaikan oleh Tuan Anuar Hamzah bin Tohar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, Majlis Agama Islam Selangor.

Forum: “*Hala tuju wakaf institusi pendidikan: Apa peranan kita?*” diberi oleh pakar wakaf yang berkaliber iaitu:

Panel 1: YBhg. Prof. Dato’ Ir. Dr. Mohd Saleh bin Jaafar Ketua Pegawai Eksekutif, UPMHoldings Sdn. Bhd. Mantan Pengarah Program Transformasi Universiti, Buku Ungu: Penjanaan Pendapatan, Endowmen dan Wakaf

Panel 2: Tuan Haji Fakhruddin bin Abdul Rahman Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

Panel 3: Dr. Haji Razali bin Othman Pengarah WAZAN, UPM



JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE (JID) BIL. 2/2018



Melaka, 19 Oktober 2018 – Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan Kerjasama Mahkamah Syariah Negeri Melaka telah menganjurkan program JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil. 2/2018 bertempat di Mahkamah Syariah Negeri Melaka yang bertemakan “*Maqasid Syariah Dalam Dimensi Haji dan Umrah*”.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad Bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan telah disertai oleh para peserta yang terdiri daripada penjawat awam sekitar negeri Melaka dan juga pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Negeri Melaka.

Program JID pada kali ini diadakan dalam bentuk ceramah dengan menampilkan 2 orang penceramah yang terdiri daripada YBrs. Tuan Shukeri Najib bin Ab. Rahim, Hakim Kanan Mahkamah Rendah Syariah Negeri Melaka dan YBrs. Tuan Mohamad Ridzuan bin Zainudin, Pegawai Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

Tema kali ini membincangkan topik Penipuan Paket Umrah dan Persiapan Mental dan Fizikal Dalam Ibadah Haji dan Umrah yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam tentang ibadah haji dan umrah serta tidak terpedaya dengan penipuan paket umrah yang semakin meningkat sekarang ini.

Program yang berlangsung selama setengah hari ini mendapat sambutan yang baik daripada 200 orang peserta yang hadir.

MESYUARAT ISU-ISU ZAKAT BAHAGIAN BAITULMAL BERSAMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)



Putrajaya, 22 Oktober 2018 – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri (JAWHAR) telah mengadakan Mesyuarat Isu-Isu Zakat Bersama LHDN pada 22 Oktober 2018 (Isnin) bertempat di Bilik Mesyuarat Jannatul Ma'awa JAWHAR.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman Ketua Pengarah JAWHAR telah dihadiri oleh seramai 5 orang pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang diketuai oleh En. Mohd Rushidi bin Md Akir. Manakala di pihak JAWHAR mesyuarat ini dihadiri juga oleh Tuan Haji Jaafar bin Ismail Timbalan Ketua Pengarah

JAWHAR dan pegawai-pegawai Bahagian Baitulmal. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan dan mencari jalan penyelesaian beberapa isu berkaitan zakat dan cukai, dan kerjasama yang boleh dilaksanakan oleh LHDN bersama JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Semoga perbincangan yang diadakan ini dapat meningkatkan jalinan kerjasama dan hubungan silaturahim antara pihak JAWHAR, LHDN dan MAIN bagi memperkasakan lagi pengurusan zakat di Malaysia demi kemaslahatan ummah, Insya-Allah.





MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM ZAKAT BERSAMA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) DAN AGENSI MENGURUS ZAKAT (AMZ) BIL. 3 TAHUN 2018 INSTITUSI PENDIDIKAN

Putrajaya, 23 Oktober 2018 – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) Bil. 3 Tahun 2018 bertempat di Dewan Syura Utama Jannatul Firdaus, JAWHAR bermula pada jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Hj. Ahmad Musadad bin Hj. Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR dan dihadiri oleh wakil dari MAIN dan AMZ seluruh negara. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Tuan Hj. Jaafar bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR serta para pegawai dan kakitangan Bahagian Baitulmal JAWHAR selaku urus setia.

Mesyuarat ini adalah rentetan Mesyuarat Penyelarasan Program Zakat bersama MAIN dan AMZ Bil. 2 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 7 Ogos 2018 (Selasa) dan diadakan bersekali dengan Bengkel Penyelarasan Kadar Zakat Fitrah 2019 yang berlangsung selama dua hari iaitu bermula pada 23 hingga 24 Oktober 2018 bertempat di Bilik Seminar, Aras 8, JAWHAR.



Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi membincangkan pelaksanaan program-program zakat melalui kerjasama antara JAWHAR, MAIN dan AMZ seluruh Malaysia bagi tahun 2018 serta isu-isu berbangkit. Antara agenda utama yang telah dibincangkan ialah penganjuran program Konvensyen Baitulmal Kebangsaan dan sambutan Bulan Zakat Kebangsaan (BZK) 2018 yang dicadangkan akan diadakan pada 27 November 2018 di Hotel Everly, Putrajaya.

Selain daripada itu, beberapa isu semasa berkaitan pengurusan zakat di Malaysia turut dibincangkan seperti penyelarasan kadar zakat fitrah seluruh negara, perkongsian maklumat kutipan dan agihan zakat seluruh Malaysia dan lain-lain. Mesyuarat turut diserikan dengan kehadiran wakil dari Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) yang telah memberikan taklimat berhubung cadangan pelaksanaan program perintis *Khaira Ummah* yang menyasarkan untuk melahirkan huffaz professional di negara ini selari dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN).

Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah menjadi medan perkongsian pandangan serta pengalaman sesama wakil semua agensi yang terlibat di samping menjana idea-idea baru dalam usaha memartabatkan pengurusan zakat di Malaysia. Melalui mesyuarat seperti ini, diharapkan agar jalinan kerjasama dan hubungan silaturahim antara pihak JAWHAR, MAIN dan AMZ seluruh Malaysia dapat ditingkatkan lagi seterusnya memacu pembangunan institusi Baitulmal khususnya zakat ke arah yang lebih mantap demi *maslahah ummah*, insya-Allah.



BENGKEL PENYELARASAN KADAR ZAKAT FITRAH 2019

Putrajaya, 24 Oktober 2018 – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Kadar Zakat Fitrah 2019 yang berlangsung selama dua hari iaitu bermula pada 23 hingga 24 Oktober 2018 bertempat di Bilik Seminar, Aras 8, JAWHAR. Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia serta para pegawai dan kakitangan Bahagian Baitulmal JAWHAR selaku urus setia.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi penyediaan kertas cadangan penyelarasan penentuan kadar zakat fitrah seluruh Malaysia bagi tahun 2019 serta cadangan alternatif tiga (3) kadar untuk negeri-negeri di Malaysia berdasarkan kepada harga semasa beras yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

Bengkel ini telah dimulakan dengan ucapan aluan dan sesi taklimat oleh pihak urus setia dan diikuti dengan sesi perkongsian berhubung pelaksanaan tiga (3) kadar yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Seterusnya, para peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi tujuan perbincangan dan pembentangan draf input kertas cadangan berkenaan mengikut skop yang telah ditetapkan.

Pada penghujung bengkel, satu draf kertas cadangan telah berjaya disediakan untuk diharmonikan semula oleh semua ahli bengkel sebelum ia dikemukakan kepada pihak berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Semoga usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak MAIN dan AMZ dalam usaha memartabatkan syiar Islam di Malaysia melalui ibadah zakat, insya-Allah.





JEMAAH HAJI DAN UMRAH PERLUKAN FIQH IBADAH & MUAMALAH BAHRU?

Ramai Umat Islam marah dengan pandangan terbaru Sheikh Abdullah Yusuf al Qaradawi (Rahimallahualaih) tentang * _Amalan Yang Lebih Afdhal Daripada Haji & Umrah_ *...Malah dalam kalangan agamawan sendiri, terutamanya Ulama Saudi, ramai yang mempertikaikan pandangan beliau, dengan mengatakan beliau telah merendahnya kesucian dan kebesaran Ibadah Haji...

Sedang antara pandangan (fiqh) Sheikh al Qaradawi adalah, membantu fakir dan miskin, memberi makan kepada mereka yang kelaparan, merawat mereka yang sakit dan memberi perlindungan kepada golongan gelandangan, merupakan keutamaan (awlawiyah) berbanding dengan melakukan ibadah haji atau umrah.

Ingatan Sheikh Yusuf al Qaradawi ini bukan ditujukan kepada mereka yang belum pernah menuai haji atau umrah sebagai rukun Islam ke 5, tetapi kepada mereka yang berkemampuan malah lebih daripada mampu kerana telah berulangkali menuai kannya, hanya untuk memenuhi keperluan rohani dan kepuasan peribadi.

Almarhum Sheikh Said Ramadhan al Buti (Rahimallahualaih) juga pernah mengingatkan kita lewat kuliahnya... _"Jika ada dalam kalangan agamawan, punya tangungjawab dan kewajipannya adalah seperti mengajar dan memberikan ilmu di tempat mereka, maka utamakan Majlis Ilmu itu berbanding Haji" _

Apakah lagi realiti hari ini wujud sebilangan agamawan menjadikan ibadah haji dan umrah sebagai sebahagian daripada barang dagangan dan komoditi perniagaan atas nama agama!

Amat malang jika mereka yang bergelar asatizah dan ulama ini merelakan diri mereka menjadi duta perniagaan haji dan umrah bagi tujuan komersial!

Kini, promosi produk umrah telah dipertingkatkan lagi atas nama pelayaran-pelayaran Islamik bagi menjual paket pelancongan demi mencapai hits populariti untuk mlariskan jenama agensi mereka!

Ada juga yang sanggup menggunakan ayat-ayat pelaris dengan menggunakan nama Nabi dalam menyampaikan hadith palsu, dan menjual kisah-kisah sirah yang bersandarkan kepada dongeng Israiliyyat selain diselit dengan tahuul tradisi tempatan, kononnya kelebihan-kelebihan dan faedah faedah yang diperolehi menerusi pakej umrah dan haji yang mereka tawarkan.

Hakikatnya mereka ini sedang bersaing memperdagangkan ibadah ini!

Maka amat benar sebagaimana Hadis Nabi, mengenai gambaran ibadah haji di akhir zaman yang menyentuh 4 golongan ini:

_ Dan daripada Sahabat Nabi, Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:_

يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ يَحْجُجُ أَغْنِيَوْهُمُ لِلنَّزْهَةِ وَأَوْسَاطُهُمُ لِلتَّجَارَةِ وَأَغْلَبُهُمُ لِرِيَاءِ وَالسُّمْعَةِ وَفُقَرَاؤُهُمُ لِلْمَسَأَةِ ...

(_"Akan datang suatu masa, di mana orang kaya/pemimpin di zaman itu berhaji hanya untuk makan angin, kelompok menengahnya berhaji atas tujuan perniagaan, kebanyakannya mereka (orang alim) berhaji untuk riya dan sum'ah, dan orang-orang fakirnya berhaji untuk mengemis" _)

..ولهذا كان عمر يقول : الوفد كثير وال الحاج قليل

dan inilah yang diungkapkan oleh Saidina Umar al Khattab (Radiallahu'anhu): _"(Benar!) Pengunjung (MasjidilHaram) itu ramai, namun, yang benar-benar mengerjakan haji itu, sedikit!"_

Inilah realitinya...Realiti ini nyata namun ianya salah dan perlu islah!

Maka, tugas melakukan fiqh taghyir (fekah perubahan): islah wa tajdid (pembetulan & pembaharuan) ilmu&amalan inilah, menjadi cabaran buat para fuqaha, daei dan pemimpin Islam hari ini!

Di sinilah relevannya JAWHAR selaku agensi pusat yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan khidmat penyeliaan dan penyelarasan polisi wakaf, zakat dan mal (harta) serta pemantauan operasi ibadah haji dan pengendalian muamalah umrah di Malaysia.

JAWHAR bukan sekadar sebuah jabatan persekutuan yang hanya melaksanakan dasar-dasar dan program-program kerajaan yang telah dirancang dan diputuskan Kerajaan.

Malah JAWHAR turut memainkan peranannya sebagai institusi dakwah dalam menyebarluaskan pengetahuan dan kefahaman Fiqh Islam dalam bidang-bidang core business yang menjadi nichenyah.

Ini termasuklah dalam menyampaikan mesej Islam Rahmatan Lil Alamiin menerusi program dan projek yang bercirikan Manhaj Maliziyy bagi mencapai Maqasid Syariah.

Wallahu alam.

KALAMIINDA@MUHAMMAD AZIZAN ABDULLAH

GALERI

Multaqa Institusi Pendidikan Agama
Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2018
Pada 9 Hingga 11 Julai 2018



Mesyuarat Agung Tahunan Puspanita
JAWHAR Sesi 2018-2019 Pada 10 Ogos 2018



**Taklimat Tips & Trick Microsoft Office 2016
Pada 13 September 2018**

GALERI





**Perbincangan BPKA Bersama Wakil Universiti
Sains Islam Malaysia (USIM) Berkaitan
Jawhar Intellectual Discourse (JID) Dan
Penerbitan Jurnal JAWHAR
Pada 3 Oktober 2018**




**Mesyuarat JAWHAR Bersama Jabatan
Penjara Malaysia Pada 2 Oktober 2018**

**Lawatan Dari Sekolah Maahad Ahmadi,
Negeri Sembilan Ke JAWHAR
Pada 24 Oktober 2018**

GALERI



**Kunjungan Hormat Kedutaan Senegal Ke
JAWHAR Pada 25 Oktober 2018**



AMANAH DIHAYATI
HIDUP DIBERKATI

BERSAMA

PLF UST. LONG BIN KECHIK

CERTIFIED IN TRAINING (GUTI-HR)
CERTIFIED DYNAMICISM PROFILE ANALYST,
CERTIFIED STRESS MANAGEMENT CONSULTANT (COSMO)
International Association of Counselor & Therapists (IACT), USA
Certified PLF Basic Practitioner (NPFLPAPKA 26 MREPS)
Certified DynamicDNC Profile Analyst...
B.A. HONS. (ISLAMIC THEOLOGY)
M.A. (CIVILIZATION STUDIES)

INTEGRATED FOCUS LEARNING



Ceramah Penerapan Nilai Islam (PNI)
Pada 26 Oktober 2018 (Jumaat)
Oleh Ustaz Long Bin Kechik



**Hari Bersama
Ketua Pengarah JAWHAR**
Pada 30 Ogos 2018





Program-program anjuran KKSJ sepanjang bulan Ogos hingga Oktober 2018 adalah seperti berikut:

**MAJLIS PERPISAHAN WARGA JAWHAR
YANG BERTUKAR KELUAR**

KKSJ telah meraikan warga JAWHAR yang bertukar keluar iaitu Encik Murid Fadzli bin Musa, Cik Dahlia binti Ishak dan Puan Noor Azura binti Zainal. Majlis tersebut telah diadakan pada 14 September 2018 yang lalu, semoga ikatan ukhuwah yang telah terjalin selama ini akan berkekalan selamanya.



*Kalau menjemur papan panjang
Baik disusun tegak berdiri
Kalau lah ada umur yang panjang
Insya Allah kita berjumpa lagi.*



Pada majlis yang sama juga turut diadakan sambutan hari lahir warga JAWHAR bagi bulan Ogos dan September 2018.



JUALAN BOOTH KKSJ SEMPENA PROGRAM SEMINAR WAKAF INSTITUSI PENDIDIKAN 2018



Sempena Program Seminar Wakaf Institusi Pendidikan 2018 dan Majlis Pelancaran Buku Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan bertempat di Dewan Banquet, UPM, Serdang, Selangor pada 11 Oktober 2018 yang lalu, pengurus KKSJ iaitu YBrs Tuan Haji Salleh bin Hassan bersama-sama AJK KKSJ mengambil peluang untuk menjual buah-buahan, air, kuih-muih serta makanan ringan dan sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada peserta pada hari tersebut.



YANG PATAH TUMBUH YANG HILANG BERGANTI

Senarai Pegawai Yang Bertukar Masuk JAWHAR



NAMA	TARIKH MASUK	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
En. Ahmad Aizat bin Jamlus	1 Oktober 2018	Kementerian Pengangkutan Malaysia



NAMA	TARIKH MASUK	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
Pn. Masrie Yanti binti Ahmad	17 Julai 2018	Lembaga Lebuhraya Malaysia



NAMA	TARIKH MASUK	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
En. Duranny bin Jasmy	13 Ogos 2018	Jabatan Kebajikan Masyarakat Putrajaya



NAMA	TARIKH MASUK	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
Pn. Noraihan binti Sulaiman	18 September 2018	Kementerian Pengangkutan Malaysia

Senarai Pegawai JAWHAR Yang Bertukar Keluar



NAMA	TARIKH KELUAR	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
En. Azhan bin Abrar	6 Oktober 2018	Kementerian Pelancongan Malaysia



NAMA	TARIKH KELUAR	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
En. Murid Fadzli bin Musa	1 September 2018	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



NAMA	TARIKH KELUAR	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
Pn. Hasnita binti Che Abdullah	13 Ogos 2018	Jabatan Kebajikan Masyarakat Putrajaya



NAMA	TARIKH KELUAR	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
Cik Dahlia binti Ishak	18 September 2018	Kementerian Dalam Negeri (Kenaikan Pangkat – N22)



NAMA	TARIKH KELUAR	DARI JABATAN/ KEMENTERIAN
Pn. Noor Azura binti Zainal	18 September 2018	Kementerian Pengangkutan Malaysia

Senarai Pegawai Praktikal JAWHAR Yang Melapor Masuk Bagi Tempoh Latihan Industri



NAMA	TARIKH MASUK	IPTA
En. Mohd Amin Soleh bin Abdul Kadir	1 Oktober 2018	Pegawai Kadet Jabatan Perkhidmatan Awam



NAMA	TARIKH MASUK	NAMA
Cik Ainaa Shakirah Binti Shahrul Nizam	2 Julai 2018	Politeknik Ungku Omar (PUO)



NAMA	TARIKH MASUK	NAMA
En. Muhammad Umair Syahin Bin Muhamad Shah	2 Julai 2018	Politeknik Ungku Omar (PUO)

Senarai Pegawai Praktikal JAWHAR Yang Telah Tamat Tempoh Bagi Tempoh Latihan Industri



NAMA	TARIKH KELUAR	IPTA
En. Mohd Amin Soleh bin Abdul Kadir	1 November 2018	Pegawai Kadet Jabatan Perkhidmatan Awam



NAMA	TARIKH KELUAR	IPTA
Cik Nur Sahirah Iryani Binti Shamsul Bahari	30 Ogos 2018	Institut Profesional Baitulmal (IPB)



NAMA	TARIKH KELUAR	IPTA
En. Muhammad Zulkarnain Bin Zainol	30 Ogos 2018	Institut Profesional Baitulmal (IPB)



NAMA	TARIKH KELUAR	IPTA
En. Muhammad Asyraf Fakhruddin Bin Shamsul Ariffin	30 Ogos 2018	Institut Profesional Baitulmal (IPB)



NAMA	TARIKH KELUAR	IPTA
Cik Ainaa Shakirah Binti Shahrul Nizam	16 November 2018	Politeknik Ungku Omar (PUO)



NAMA	TARIKH KELUAR	IPTA
En. Muhammad Umair Syahin Bin Muhamad Shah	16 November 2018	Politeknik Ungku Omar (PUO)

Tahniah



Sekalung TAHNIAH atas kejayaan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (JPM) menghasilkan Buku Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM), UPM Holdings Sdn. Bhd. dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).

